

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PENUTUPAN LATIHAN ECO RANGER
9 NOVEMBER 2014 (AHAD), JAM 10.00 PAGI
DEWAN TAMAN PERMATA, BUKIT MERTAJAM

Yang Berusaha Tuan Hj Jamaludin bin Yaacob

Pengetua Cemerlang, SM Sains Tun Syed Sheh Shahabudin

Yang Berusaha En Delbeer Singh

Naib Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Permata

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang diraikan guru-guru dan pelajar-pelajar yang dikasihi sekalian

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama – sama menghadiri Majlis Penutupan Latihan Eco Ranger pada hari ini.

Tuan-tuan, puan-puan dan para pelajar sekalian,

Saya difahamkan bahawa Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin, Bukit Mertajam telah menyertai anugerah sekolah hijau sejak tahun 2010 dan menurut pengauditan yang dijalankan setiap tahun, prestasi sekolah bertambah baik dari tahun ke tahun.

Untuk makluman semua, matlamat anugerah sekolah hijau ialah menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalak penambahbaikan berterusan. Ia perlu diberi tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan pemuliharaan alam sekitar. Tahniah diucapkan kepada Sekolah Menengah Sains Bukit Mertajam kerana berjaya memperolehi anugerah emas untuk empat tahun berturut-turut.

Tuan-tuan, puan-puan serta para pelajar sekalian,

Sekolah ini sangat aktif mengambil bahagian didalam program hijau dimana pada 4 Oktober 2012, sekolah telah melancarkan Program Sisa

Sifar dan pada 31 Julai 2013 sekolah telah melancarkan Eco Rangers MPSP Tahun 2013. Usaha-usaha ini dapat mendidik generasi muda menukar minda betapa pentingnya mengamal 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Masyarakat berpendapat bahawa tugas menjaga kebersihan di Seberang Perai hanya terletak pada MPSP. Namun situasi ini mustahil akan berlaku memandangkan beribu-ribu tan sampah telah dihasilkan setiap hari. Bagi memastikan keadaan alam sekitar bebas daripada bahan buangan yang sepatutnya diselenggara dan memastikan penduduk menjalani kehidupan yang lebih terjamin kebersihannya, semua pihak termasuk masyarakat setempat perlu berusaha bersama-sama ke arah Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Pada pagi tadi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains telah mengadakan program khidmat masyarakat iaitu gotong-royong membersihkan kawasan Taman Permata. Sisa-sisa yang dikumpul diasingkan bagi tujuan kitar semula. Di sini saya ingin mengesyorkan kepada Eko Rangers Sekolah untuk menganak angkatkan taman ini dan

terus mendidik penduduk Taman Permata supaya suatu hari nanti taman ini akan menjadi contoh taman bersih dan penduduknya berorientasikan 4R.

Untuk makluman hadirin sekalian, dalam tahun ini, 10 kes denggi didapati positif di taman ini, iaitu satu kes pada Jan, Mac, Jun dan Ogos; September, 2 kes dan Oktober 4 kes. Kita perlu hapuskan tempat pembiakan aedes dan mengambil amalan pengasingan sisa di punca iaitu sisa dibahagikan kepada boleh kitar semula, tidak boleh kitar semula dan sisa organik. Taman ini perlu wujudkan pusat pengumpulan kitar semula, MPSP boleh membantu contohnya dewan diguna sebagai pusat pengumpulan. Hanya yang tidak boleh dikitar semula dibuang ke dalam tong sampah. Bagi mencegah bau busuk, sisa dapur dikomposkan untuk dijadikan sebagai baja bagi tanaman. MPSP boleh membantu mewujudkan bumi hijau di taman ini dengan tanaman sayur organik.

Para hadirin sekalian

Saya amat berharap semua penduduk Taman Permata sentiasa menjaga kebersihan kawasan kejiranan untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes yang membawa penyakit demam denggi.

Gotong-royong ini dapat memberi kesedaran kepada kita semua bahawa menjaga dan melestarikan alam sekitar merupakan tanggungjawab kita bersama. Terima kasih kepada Eko Ranjer Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin kerana menjadi sebuah warga yang prihatin akan alam sekitar. Kesungguhan para pelajar dalam program Eko Ranger ini akan memberi impak yang baik untuk generasi akan datang menikmati alam sekitar yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Dengan itu, saya merasmikan Majlis Penutupan Latihan Eko Ranjer Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin, Bukit Mertajam.

Sekian, wabillah hitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Terima kasih.